

27/05/1999

Guru agama tidak wajar menghasut

TEGURAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap guru agama yang cuba mempengaruhi kanak-kanak supaya jangan bergaul dengan masyarakat bukan Islam adalah serius dalam konteks masyarakat berbilang kaum di negara ini. Tindakan guru berkenaan jelas bertentangan dengan hasrat negara yang berusaha mewujudkan perpaduan, keamanan, keselamatan dan kestabilan negara. Adalah menyedihkan, setelah matlamat itu dicapai, ada pula pihak yang cuba menggagalkannya menerusi tindak tanduk dan perbuatan mereka yang keanak-anakan.

Bagi segelintir guru berkenaan, mereka perlu bertanya apakah umat Islam di Malaysia tidak pernah bergantung atau menjalin kerjasama dengan kaum lain di dunia yang bukan beragama Islam. Jika analogi mereka menolak kaum bukan Islam di negara ini, mereka juga menolak rakyat Jepun, Inggeris, Amerika Syarikat, Jerman dan sebagainya. Adakah ini bermakna Malaysia juga perlu menolak teknologi yang mereka bawa ke negara ini. Adakah Malaysia tidak perlu menggalakkan kaum asing menanam modal di negara ini yang membuka ribuan kilang perusahaan sedangkan ia menjadi tempat sebahagian rakyat mencari rezeki.

Sanggupkah rakyat Islam di negara ini berhenti kerja hanya disebabkan majikan mereka adalah rakyat asing yang bukan beragama Islam. Akuilah, Malaysia masih belum sampai ke tahap untuk menjadi `tuan' kepada kaum lain di dunia. Umat Islam di Malaysia masih belum mampu menyaingi kemajuan kaum lain dalam banyak bidang. Kerajaan sedang berusaha meningkatkan imej umat Islam di negara ini supaya mampu berdikari. Tetapi jika rancangan kerajaan itu dihalang dengan cubaan untuk menyemarakkan sentimen perkauman dan agama, tidak ada pihak yang mendapat untung. Oleh itu, janganlah melihat sesuatu perkara dari sudut yang sempit.

Bilangan guru agama yang jumud itu mungkin kecil. Namun, ia sudah cukup untuk menimbulkan perasaan tidak senang sesetengah pihak. Jika majoriti umat Islam sendiri tidak setuju dengan tindakan guru agama itu, tentulah penganut agama lain juga lebih tidak menyenangi sikap guru itu. Tindakan mereka itu boleh mencetuskan kegelisahan. Janganlah disebabkan terlalu taksub dengan ideologi parti politik yang angkuh menolak sekularisme, maka perpaduan negara dan keharmonian kaum hendak diganggu-gugat. Tindakan mereka juga boleh dipertikaikan kerana di peringkat politik mereka cuba memujuk kaum lain yang bukan beragama Islam duduk semeja berbincang, tetapi di peringkat anak-anak, mereka menanamkan bibit-bibit kebencian. Di peringkat kepimpinan parti, mereka terang-terang menyatakan sanggup menerima gagasan yang dibawa oleh parti pakatan mereka, meskipun terpaksa mengorbankan perjuangan untuk menegakkan negara Islam. Sikap hipokrit mereka itu jelas melambangkan kedangkalan fikiran. Mereka sanggup melakukan apa saja asalkan cita-cita mereka termakbul. Bagi mereka apa saja yang dilakukan oleh orang lain tidak betul dan bertentangan dengan Islam, tetapi jika mereka sendiri yang melakukannya, ia adalah halal.

Sebagai guru, mereka sepatutnya mengajar ilmu yang berguna kepada anak-anak, memberi didikan supaya apabila dewasa boleh menjadi manusia yang berguna di dunia dan akhirat dan menunjukkan teladan yang baik. Tidak wajarlah seseorang guru, apatah lagi atas kedudukan mereka sebagai guru agama, menjadi penghasut. Guru agama berkenaan mungkin lupa bahawa mereka sebenarnya sedang `melentur rebung' yang boleh membawa padah kepada generasi dan masyarakat akan datang. Jika bibit-bibit negatif demikian mula ditanam sejak anak-anak belajar di Taman Didikan Kanak-Kanak (Tadika)

lagi, adalah tidak menghairankan jika benih perkauman itu diwarisi sehingga mereka belajar di sekolah menengah dan universiti.

Terbukti di Indonesia, perselisihan agama menimbulkan huru-hara yang tidak berkesudahan. Apakah keadaan yang demikian yang kita mahu? Pertikaian mengenai agama boleh merebak sepantas kilat. Api yang membara tidak mengenal mangsanya. Ia mungkin terkena kepada keluarga sendiri.

Apakah sebenarnya masalah segelintir guru agama itu? Apakah selama ini mereka sendiri langsung tidak berurusan dengan kaum atau penganut agama lain. Apakah bergaul dengan penganut agama lain menyebabkan ibadat mereka cela dan tidak diterima Allah. Hanya mereka yang memulaukan hidup bermasyarakat saja yang berfikiran cetek seperti itu. Jika dibanding sumbangan memajukan negara di kalangan segelintir guru agama yang berpendirian serong dengan kaum lain di negara ini, jaraknya mungkin ibarat langit dan bumi. Sepatutnya mereka sedia belajar daripada kaum yang lebih maju. Janganlah menanamkan sikap membenci. Ia boleh membawa padah kepada negara dan seluruh umat.

(END)